

Usah hukum diri jika putus cinta

Terima diri seadanya, anggap teman lelaki jauhkan diri sebagai takdir

Soalan:
SAYA tidak tahu bagaimana untuk meminta teman lelaki memaafkan saya ekoran satu peristiwa yang pernah berlaku.

Teman lelaki pernah membaca diari dan dia tidak dapat menerima apa yang saya luahkan di dalamnya *sedangkan ia diari lama dan ditulis ketika saya baru berpisah dengan teman lelaki lama.*

Saya merayu kepada

teman lelaki baru supaya memberi peluang sekali lagi, tapi cara layanannya sudah banyak berubah. Dia tidak lagi mempercayai saya. Itu saya faham.

Kini, dia tidak sayang saya lagi. Saya sedih dan tidak tahu hendak mengadu pada siapa.

Saya amat sayangkan dia dan tidak mampu menemupuhi semua ini. Saya tidak mahu meninggalkannya dan tidak boleh hidup tanpanya. Bantulah saya Dr melera!

kekusutan ini?

AMAT TERLUKA
Pulau Pinang.

Jawapan:
SEDIH apabila membaca luahan hati adik. Kesan cinta memang mendalam bagi sesetengah insan. Ada pepatah mengatakan, "cinta dapat mengubah pahit menjadi manis, debu beralih emas, keruh menjadi bening, sakit jadi sembuh, derita jadi nikmat,

dan kemarahan menjadi rahmat"

Dalam masalah adik, cinta ingin lari daripada adik. Teman lelaki nampaknya sudah tidak mahu menyuburkan rasa cintanya. Apabila dia membaca diari adik, kepercayaan semakin menipis, syak wasangka makin menebal dan jika ini berterusan, ia boleh menggugat keharmonian percintaan.

Apabila teman lelaki sudah tidak dapat meneri-

ma, ini bermakna dia tidak lagi berminat meneruskan hubungan cintanya dengan adik. Diari itu mungkin hanya sebagai salah satu helah untuk memutuskan perhubungan. Apapun, apabila hubungan cinta tidak lagi dilihat dapat menyinar, lebih elok hubungan cinta itu tidak diteruskan.

Adik merasa tidak dapat memaafkan diri atas apa yang berlaku. Tidak dapat memaafkan diri adalah menghukum diri dan menyebabkan bebanan perasaan. Lepaskan dari perasaan menghukum itu dan terimalah diri seadanya serta anggaplah apa yang berlaku sebagai takdir.

Jika benar kekasih menyayangimu adik, dia sepatutnya menerima adik seadanya, tidak mengingati kisah silam dan tidak kisah pada kekurangan malah perlu mencintai adik atas dasar siapa diri adik sekarang dan bukan sebelumnya.

Kisah silam tidak perlu diungkit jika benar teman

lelaki menyintai adik setulusnya hati

Mencintai tidak semestinya memiliki. Oleh itu, jika adik mencintai teman lelaki, adik akan sentiasa mendoakannya walaupun tidak berada di sisi. Bila perlu, lepaskanlah dia.

Dr faham memang sukar melupai rasa cinta terhadap teman lelaki kerana menyayanginya. Tapi cinta akan hilang bersama masa. Bak kata pepatah, "cinta akan hidup bersama dengan waktu, apabila waktu itu mati, maka matilah cinta suci itu". Masa akan dapat membuatkan seseorang lupa kepada peristiwa atau insan lain.

Dr harap adik tidak berterusan sedih dan menghukum diri apabila teman lelaki semakin menjauhkan diri. Cinta adalah keabadian dan kenangan adalah hal yang terindah pernah dialami. Jika adik tidak lagi menjalinkan hubungan cinta dengan teman lelaki, abadikanlah rasa cinta itu.

Gembirakan hati ibu selagi ada hayat

Soalan:
MASALAH saya berkaitan ibu. Sesungguhnya saya bertuah kerana dikumiakan seorang ibu yang cukup penyayang. Dialah ibu terbaik di dunia.

Saya rapat dengannya dan sering berkongsi masalah. Dia juga kawan, banyak beri semangat dan tunjuk ajar sebagai bekalan hidup.

Bagaimanapun, baru-baru ini saya terima berita, ibu selalu sakit dan sering dimasukkan ke hospital. Saya dapat tahu penyakit ibu kini dalam tahap kritikal dan hanya mempunyai masa beberapa bulan untuk hidup. Berita sedih ini memfahamkan semangat saya untuk meneruskan hidup kerana takut kehilangan ibu.

Saya amat memerlukan-nya bagi meneruskan kehidupan. Doktor boleh bayangkan jika ibu tiada nanti, tolong doktor?

ANAK IBU,
Melaka.

Jawapan:
FIRMAN Allah swt dalam Surah Al-Furqan berbunyi "Tuhan yang mempunyai kerajaannya langit dan bumi dan tiada mempunyai anak

dan menjadikan tiap-tiap sesuatu lalu mengaturnya menurut aturan tertentu," (Al-Furqan:2).

DR merasakan adik masih berada dalam peringkat penafian yang tidak dapat menerima keadaan ibu yang sakit. Dr faham perasaan itu tapi semakin lama adik berada dalam peringkat itu, semakin berat untuk menerima kenyataan.

Penafian ini adalah proses normal. Hubungan terjalin tidak mudah dilupakan dalam masa singkat apatah lagi insan itu ibu tersayang.

Ibu pula sangat istimewa dan menjadi rakan sejati. Kasih sayangnya mencurah apatah lagi selalu dikaitkan bahawa kasih ibu membawa ke syurga. Ini jelas membuktikan betapa kasih ibu terhadap anaknya.

Adik juga mungkin mengalami peringkat kemarahan yang mana akan mengatakan mengapa perkara ini berlaku dan menganggap tidak adil. Peringkat penafian dan kemarahan itu membuatkan adik merasa apa yang dialami selorang iaitu tidak bersemangat meneruskan kehidupan.

Adik tidak terseorangan dalam hal ini. Apa yang

dialami banyak berlaku kepada orang yang akan mengalami kehilangan seseorang yang disayangi. Akan tiba peringkatnya di mana adik dapat menerima keadaan ibu namun, ia mengambil masa beserta tawakal.

Bersabarlah. Allah berfirman maksudnya "Minta tolonglah kamu dengan sabar dan bersembahyang. Sesungguhnya Allah beserta orang-orang sabar." (Al-Baqarah:153). Kekuatan tidak datang dari kemampuan fizikal tetapi datang dari semangat yang tidak pernah mengalah.

Ibu adik tentu sekali tidak mahu melihat anaknya bersedih. Kuatkan semangat agar ibu adik dapat menjalani kehidupannya dengan bersemangat. Sekiranya masa ibu yang ada tidak lama, gembirakanlah hatinya. Berada selalu disampingnya dan berikan sokongan moral.

Akhir kata, sentiasalah berdoa kepada Allah agar adik redha atas apa yang berlaku. Menohon doa adalah kekuatan hakiki seorang hamba kepada pencipta-Nya.